

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 16.6.2015

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian dalam menawarkan kursus-kursus yang mempunyai permintaan yang tinggi dalam sektor pekerjaan di Malaysia bagi memastikan graduan-graduan yang menamatkan pelajaran dari IPTA/IPTS dan lain-lain pusat pengajian terjamin untuk mendapat peluang pekerjaan bagi mengelakkan lambakan graduan tanpa pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi), kementerian telah memfokuskan aspek keusahawanan di dalam Lonjakan1: Graduan Holistik berciri Keusahawanan dan Seimbang. Graduan di Malaysia perlu dididik untuk menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar, bukan sahaja melengkapkan mereka dengan kemahiran dan asas etika yang mantap, malah memperkasa daya tahan dan meningkatkan ciri keusahawanan bagi meneroka peluang-peluang baharu dalam alam pekerjaan. Justeru, hal ini penting untuk graduan beralih daripada pencari pekerjaan kepada penjana pekerjaan.

Selain itu, dalam usaha memastikan graduan universiti awam dan swasta kompetitif dalam pasaran kerja, Kementerian telah menetapkan strategi penghasilan kurikulum berlandaskan industri di mana penyedia TVET Kementerian akan melibatkan industri dalam menambah baik program sedia ada dan menjadikannya lebih relevan. Penambahbaikan ini melibatkan tenaga pelatih yang berkelayakan dengan pengalaman industri dan pensijilan yang bersesuaian. Kurikulum berlandaskan industri berupaya meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan ketidakpadanan kemahiran. Strategi dan inisiatif ini termaktub dalam Lonjakan 4: Graduan TVET Berkualiti.